

19 OCT 1999

Penagih

EMPAT PUSAT SERENTI KHUSUS UNTUK PENAGIH TEGAR

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Sebanyak empat buah pusat serenti khusus bagi penagih tegar di sekitar Lembah Kelang akan diwujudkan dalam usaha mengurangkan kadar jenayah terutamanya jenayah ragut di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tajol Rosli Ghazali malam ini berkata, pusat-pusat berkenaan akan dibuka di Semenyih, Sungai Besi, Dengkil dan Rawang dan akan dapat menampung 1,800 penagih tegar.

"Pusat penempatan di Sungai Besi sudah sedia ada manakala tiga yang lain sedang dalam proses pelaksanaan dengan bantuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)," katanya kepada pemberita pada jamuan malam anjuran Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia di sini.

Menurut beliau, sebahagian besar daripada jumlah indeks jenayah di ibu negara berpunca kerana kes-kes ragut membabitkan penagih tegar.

Tajol berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memandang serius kes jenayah ragut di ibu negara dan mahu sesuatu dilakukan untuk mengatasinya.

Kes ragut banyak berlaku di kawasan Segitiga Emas di ibu negara yang menjadi tumpuan pelancong dan ini boleh mencemarkan imej negara, katanya.

Statistik menunjukkan terdapat kira-kira 5,000 penagih tegar di ibu negara.

Terdapat cadangan untuk menempatkan lebih banyak penagih daripada golongan itu di kem polis hutan yang tidak digunakan di Pahang dan Perak.

Menyentuh konsep pemulihan bagi penagih tegar, Tajol berkata Agensi Dadah Kebangsaan bertanggungjawab sepenuhnya dalam merangka program pemulihan.

Satu daripada cara pemulihan yang dipertimbangkan ialah memberikan penagih pil tertentu termasuk "Viva" yang berfungsi menolak dadah keluar daripada badan seseorang penagih, katanya.

Selain itu, konsep pemulihan terapeutik berkumpulan akan turut dilaksanakan di pusat serenti penagih tegar itu nanti.

-- BERNAMA

ZAI PR